

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[MUHAMMAD BASIUNI IMRAN: HIS ROLE IN PROPAGATING THE SUPERIORITY OF ISLAM IN SAMBAS, WEST KALIMANTAN]

MUHAMMAD BASIUNI IMRAN: PERANANNYA DALAM MENEGAKKAN SYIAR ISLAM DI SAMBAS, KALIMANTAN BARAT

NORAHIDA MOHAMED^{1*}

¹ Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
KM 8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, MALAYSIA

*Corresponding author: norahida@kuipsas.edu.my

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 March 2021

Abstract

Religious scholars in the Malay World play a crucial role in propagating the greatness of Islam and socially transforming the Malay community in the region. Their contributions in the religious, educational, political, and social fields have brought immense impacts towards civilizational excellence. One such scholar who contributed enormously to the Malay world, especially in West Kalimantan, is Muhammad Basiuni Imran. He became known to the people of the Archipelago when he often asked questions to the al-Manar magazine published by his teacher, Muhammad Rashid Rida. Thus, this paper aims to explain his life background, education, and relationship with Muhammad Rashid Rida. His role in resolving issues concerning Friday prayers and talkin and his dakwah activities in Sambas are also discussed. This qualitative study used the biographical study design. Research data were obtained from written documents including books, journals, manuscripts, conference articles, and theses. Data were also obtained through interviews and observations conducted in Sambas, West Kalimantan. Results show that Muhammad Basiuni Imran used a realistic approach in accordance with the customs and situation of the West Kalimantan community, especially in Sambas, in resolving religious issues. His role in strengthening the Islamic dakwah is evidenced by the Islamisation of the Dayaks in Sambas. This study is expected to elevate the position of scholars and Muhammad Basiuni Imran's contribution to the ummah's development. In addition, this paper will enrich the written materials on Islamic prominent figures and reform movements in the Malay realm.

Keywords: Muhammad Basiuni Imran, West Kalimantan, Islamic Growth

Abstrak

Para ulama di Alam Melayu memainkan peranan penting dalam perkembangan syiar agama Islam dan transformasi sosial masyarakat Melayu di rantau ini. Sumbangan mereka yang meliputi

bidang agama, pendidikan, politik, sosial dan lain-lain memberikan kesan yang besar ke arah kecemerlangan ketamadunan. Salah seorang ulama yang memberikan sumbangan besar kepada Alam Melayu khususnya di Kalimantan Barat ialah Muhammad Basiuni Imran. Nama beliau mula dikenali oleh masyarakat Nusantara apabila sering mengemukakan persoalan kepada majalah *al-Manar* yang diterbitkan oleh guru beliau, Muhammad Rashid Rida. Justeru, makalah ini bertujuan menjelaskan latar belakang kehidupan, pendidikan serta hubungan beliau dengan Muhammad Rashid Rida. Turut dibincangkan ialah peranan beliau dalam menyelesaikan isu berkaitan solat Jumaat dan talkin serta kegiatan dakwah yang dijalankan di Sambas. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian biografi. Data kajian diperoleh melalui dokumen bertulis seperti buku, jurnal, manuskrip, artikel persidangan, tesis dan sebagainya. Data juga diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian yang dijalankan di Sambas, Kalimantan Barat. Hasil kajian mendapati Muhammad Basiuni Imran telah menggunakan pendekatan yang realistik dan sesuai dengan adat dan situasi masyarakat di Kalimantan Barat khususnya di Sambas dalam menyelesaikan isu-isu agama. Peranan Muhammad Basiuni Imran dalam memperkasakan dakwah Islamiah pula dapat dilihat melalui pengislaman kaum Dayak di Sambas. Kajian ini diharapkan dapat memartabatkan ulama dan sumbangan Muhammad Basiuni Imran terhadap pembangunan ummah. Selain itu, penulisan ini akan memperkayakan lagi bahan-bahan penulisan berkaitan tokoh dan gerakan pembaharuan Islam di Alam Melayu.

Kata kunci: Muhammad Basiuni Imran, Kalimantan Barat, Perkembangan Islam

Cite as: Norahida Mohamed 2021. Muhammad Basiuni Imran: Peranannya dalam Menegakkan Syiar Islam di Sambas, Kalimantan Barat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 83-97

PENGENALAN

Kesultanan Sambas merupakan kesultanan Melayu yang terletak di sebelah utara Kalimantan Barat. Ibu kota kerajaan ini berada di Muare Ulakkan yang berhadapan dengan tiga cabang anak sungai, sungai Sambas, Teberau dan Subah. Secara rasminya, Kesultanan Sambas telah ditubuhkan pada tahun 1630 apabila Raden Sulaiman ditabalkan menjadi sultan dengan gelaran Sultan Muhammad Safiuddin (Erwin, 2007). Kesultanan Sambas secara formal bertahan dalam pentas sejarah selama lebih dari tiga abad. Dalam tempoh tersebut, Sambas telah diperintah oleh 15 orang sultan yang dimulai dengan Raden Sulaiman sehingga sultan yang terakhir, iaitu Sultan Mulia Ibrahim yang meninggal dunia kerana dibunuh oleh Jepun pada tahun 1943 (Erwin, 2007).

Sambas semasa berada di bawah pemerintahan Kesultanan Sambas telah mengalami kepesatan perkembangan agama Islam. Usaha memperkembangkan agama Islam selama hampir tiga abad menampakkan hasilnya pada awal abad ke-20M. Kecemerlangan itu ditandai dengan wujudnya ulama-ulama besar yang berperanan memartabatkan dakwah dan ilmu pengetahuan seperti Muhammad Basiuni Imran.

LATAR BELAKANG KELUARGA DAN PENDIDIKAN

Nama penuh beliau ialah Muhammad Basiuni bin Haji Imran bin Haji Muhammad Arif bin Haji Nuruddin bin Haji Mustafa. Beliau dilahirkan pada 25 Zulhijjah 1302H bersamaan 16

Oktober 1885. Beliau berasal daripada keluarga ulama yang memiliki kedudukan dan pengaruh besar dalam kerajaan Sambas (Sunandar, 2012). Keturunan Muhammad Basiuni Imran bersambung kepada Datuk Mustafa yang mempunyai hubungan silsilah dengan Raja Gipang, penguasa kerajaan Hindu yang terletak di daerah Sabung, Paloh. Mustafa mempunyai seorang anak yang bernama Imam Nurdin (Nuruddin) yang meninggal dunia di Mekah. Perkahwinannya dengan Mas Nafsiah memperoleh anak bernama Muhammad Arif. Kemudian, Muhammad Arif dilantik menjadi ulama istana dan diberi gelaran Maharaja Imam yang pertama semasa pemerintahan Sultan Muhammad Safiuddin II pada tahun 1872 (Erwin, 2007). Maharaja Imam Muhammad Arif mempunyai enam orang anak hasil perkahwinannya dengan Wan Aisyah. Salah seorang anak beliau bernama Imran turut dilantik menjadi Maharaja Imam dalam Kesultanan Sambas. Imran dikurniakan empat orang anak, iaitu Muhammad Basiuni, Ahmad Fawzi, Hamdah dan Aisyah (Erwin, 2007) melalui perkahwinan dengan Sa'mi. Muhammad Basiuni Imran kemudiannya diasuh oleh ibu tirinya, Badriyah selepas ibunya, Sa'mi meninggal dunia ketika beliau masih kecil (Wendi, 2019).

Dari aspek pendidikan, Muhammad Basiuni Imran mendapat pendidikan awal di rumah dengan didikan langsung daripada bapanya. Pada peringkat ini, beliau belajar membaca al-Quran ketika memasuki umur enam atau tujuh tahun. Beliau juga belajar di Sekolah Rakyat (*Volkschool*) di Sambas. Antara yang dipelajari oleh beliau ialah ilmu *nahu* dan *sarf* (Pijper, 1984). Pendidikan formal yang sempat diikuti oleh beliau di Sekolah Rakyat hanya selama dua tahun. Selain belajar dengan ayahnya, Muhammad Basiuni Imran juga belajar agama dengan bapa saudaranya, Haji Muhammad Djabir yang menjadi Imam Maharaja dalam Kesultanan Sambas. Secara umumnya, pendidikan tidak formal yang dilalui oleh beliau di Sambas adalah selama 10 tahun (Erwin, 2007). Bapa beliau, Maharaja Imam Muhammad Imran menanam impian mahu menjadikan Muhammad Basiuni Imran seorang ulama besar di Kalimantan Barat. Apatah lagi ketika itu, tiada ulama yang mampu memimpin umat Islam terutamanya di Sambas. Justeru, pada tahun 1901, setelah menamatkan pengajian di Sambas, Muhammad Basiuni Imran telah dihantar ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji serta mempelajari bahasa Arab dan mendalami ilmu pengetahuan Islam (Machrus, 1995). Di Mekah, beliau mempelajari ilmu *nahu*, *sarf* dan *fiqah* daripada Tuan Guru Umar Sumbawa dan Tuan Guru Usman Serawak manakala ilmu *fiqah* dipelajari dengan Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau. Sementara Syeikh 'Ali Maliki mengajarkan beliau bahasa Arab seperti *nahuw*, *sarf*, *ma'ani*, *badi'*, *bayan*, *mantiq* dan beberapa ilmu pengetahuan lain seperti *usul fiqh*, *tafsir* serta *tauhid* (Pijper, 1984).

Ketika di Mekah, Muhammad Basiuni Imran mula mengenali beberapa tokoh pembaharu di dunia Islam seperti Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Rida melalui majalah *al-Manar*. Setelah lima tahun menuntut ilmu di Mekah, pada tahun 1324H beliau diminta pulang ke Sambas oleh orang tuanya. Di Sambas, Muhammad Basiuni Imran dilantik oleh Sultan Muhammad Safiuddin II menjadi Imam Pembantu di Masjid Jami' Sambas dan mengajar ilmu agama di istana sultan Sambas selama dua tahun. Ketika di Sambas, beliau masih melanggan majalah *al-Manar*, di samping mempelajari pelbagai buku berbahasa Arab dari Mesir (Erwin, 2007).

Muhammad Basiuni Imran masih merasakan ilmu pengetahuannya tentang Islam masih tidak lengkap. Beliau akhirnya mengambil keputusan untuk melanjutkan pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir. Kekaguman Muhammad Basiuni Imran terhadap pemikiran Muhammad Rashid Rida menjadi salah satu faktor yang mendorongnya memilih Mesir sebagai

tempat belajar. Justeru, pada tahun 1908, beliau ditemani adiknya Ahmad Fawzi Imran dan sahabatnya Ahmad Su'ud dengan menaiki kapal Perancis dari Singapura berangkat ke Mesir. Apabila tiba di Mesir, Muhammad Basiuni Imran dan rakan-rakannya telah dijemput oleh Sayyid Soleh Rida, iaitu adik Muhammad Rashid Rida. Mereka tinggal di rumah Muhammad Rashid Rida selama beberapa hari sebelum mendapatkan rumah sewa berdekatan masjid al-Azhar (Pijper, 1984). Selama berada di rumah tersebut, Muhammad Rashid Rida telah mengadakan pengajian secara tidak formal kepada Muhammad Basiuni Imran dan kawan-kawannya. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan ilmu agama dan tentang kehidupan beragama di Indonesia. Dalam perbincangan itu, Muhammad Rashid Rida cukup bangga melihat kemampuan Muhammad Basiuni Imran berbahasa Arab serta mempunyai pengetahuan ilmu agama yang baik (Pijper, 1984).

Muhammad Basiuni Imran telah mengikuti pengajian di Universiti al-Azhar selama enam bulan sahaja. Dalam tempoh pengajian di Universiti al-Azhar, beliau dan adiknya serta bersama beberapa mahasiswa lain turut belajar secara peribadi dengan seorang ulama terkemuka dari al-Azhar, iaitu Sayyid 'Ali Surur al-Zankalani. Namun begitu, apabila Muhammad Rashid Rida membuka *Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad* pada 3 Mac 1912, Muhammad Basiuni Imran, Ahmad Fawzi Imran dan Haji Abdurrahman Hamid telah memilih untuk meneruskan pengajian di madrasah tersebut. Di madrasah tersebut, Muhammad Rashid Rida mengajar tafsir al-Quran dan ilmu Tauhid. Pengajian beliau di *Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad* telah dijelaskan oleh Muhammad Basiuni Imran seperti yang berikut:

Setelah kami menuntut ilmu selama enam bulan di al-Azhar, S.M Rida membuka sebuah madrasah Dar al-Da'wah wal Irshad di Manyal (Kairo Lama) sebuah madrasah *kulliyya*. Di situ diajarkan segala macam pengetahuan yang berhubungan dengan bahasa Arab, agama, pengetahuan tentang agama Islam dan ilmu pengetahuan lainnya. Saya, saudara saya dan juga H. Abdurrahman Hamid menjadi mahasiswa di madrasah tersebut. S.M Rashid Rida mengajar tafsir al-Quran dan ilmu tauhid. Semua mahasiswa hadir jika Tuan Rashid mengajar. Karena ilmu yang diberikannya itu merupakan ilmu yang benar-benar memberi penerangan pada hati dan fikiran. Segala puji bagi Allah, walaupun tidak semua pelajaran yang diberikan di madrasah itu saya kuasai, tetapi setidak-tidaknya saya telah turut serta mempelajarinya; semoga Allah memberkahi saya! (Pijper, 1984).

Muhammad Basiuni Imran kembali ke Sambas pada bulan Syaaban 1331H/1913, semasa masih menuntut di *Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad* kerana bapanya sakit tenat. Pada hari Isnin, 22 Ramadan 1331H/25 Ogos 1913, bapanya, Maharaja Imam Haji Muhammad Imran meninggal dunia. Muhammad Basiuni Imran dilantik menjadi Maharaja Imam Kerajaan Sambas bagi menggantikan bapanya pada 10 Zulhijjah 1331H bersamaan 9 November 1913, selepas solat Aidiladha (Pijper 1984). Semasa dilantik menjadi Maharaja Imam, beliau berusia 31 tahun (Ihsan, 2019).

Setelah pulang dari Mesir, Muhammad Basiuni Imran terus mendalamai kitab-kitab fiqh Imam Shafi'i, kitab-kitab mazhab lain dan kitab-kitab tafsir Quran dan hadis terutama *Tafsir al-Manar* serta majalah *al-Manar* (Pijper, 1984). Untuk menambah pengetahuan tentang dunia Islam termasuk perkembangan pendidikan, beliau juga melanggan majalah dan akhbar Arab

seperti *Fajar Asia*, *al-Muslimin*, *al-Fara'*, *al-Ma'arif al-Qurra*, *al-Fath* dan *Umm al-Qura*. Beliau juga melatih diri dengan menulis beberapa kitab dan risalah dalam bahasa Arab untuk meningkatkan kemampuannya dalam penulisan. Dalam masa yang sama, beliau juga sering mengajukan pertanyaan tentang soal-soal agama melalui surat kepada majalah *al-Manar* (Erwin, 2017).

Ketokohan dan keilmuan Muhammad Basiuni Imran juga dikagumi oleh ramai pihak. Mengikut catatan anaknya Badran, Muhammad Basiuni Imran pernah mendapat penghargaan daripada Presiden Indonesia, Sukarno yang memberikan sebuah peti berukir mengandungi kitab al-Quran sempena majlis nuzul al-Quran di Jakarta. Muhammad Basiuni Imran juga pernah diajak oleh tokoh-tokoh terkemuka Indonesia untuk tinggal di Jakarta bagi menyebarkan lagi ilmu yang dimiliki. Akan tetapi dengan rendah hati, ajakan tersebut ditolak (Badran, 1967).

Haji Agus Salim pernah mengatakan: "Andai saja Maharaja Imam Haji Muhammad Basiuni Imran duduk berdiam di Jakarta, ilmu dan pengetahuannya akan dapat lebih bermanfaat dan lebih mudah dikembangkan". Buya Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) juga mengatakan beliau merupakan: "mutiara yang terpendam, ilmu dan pengetahuan Muhammad Basiuni Imran sungguh dalam dan luas". Kefasihannya dalam berbahasa Arab juga telah mendapati puji daripada Profesor Kahar Muzakkir, iaitu pensyarah Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalidjaga Yogyakarta. Ketika beliau mendengar Muhammad Basiuni Imran menyampaikan kuliah umum, beliau mengatakan: "Bahasa Arab Basiuni Imran sangat dipujikan" (Didik, 2017).

Pada tahun 1974, Muhammad Basiuni Imran telah ditimpa penyakit darah tinggi dan mendapat rawatan di Rumah Sakit Umum Sungai Jawi, Pontianak. Akhirnya, pada hari Isnin 25 Julai 1976, Muhammad Basiuni Imran meninggal dunia di Pontianak ketika berusia 91 tahun. Keesokan harinya, iaitu pada 26 Julai 1976, jenazah beliau dibawa ke Sambas dan disolatkan di Masjid Raya Sambas. Beliau dimakamkan di pemakaman keluarganya di Kampung Dagang Timur, Sambas (Sunandar, 2012).

HASIL KARYA

Antara keistimewaan Muhammad Basiuni Imran adalah dalam aspek penulisan. Perkara ini dinyatakan oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah yang mengakui bahawa Muhammad Basiuni Imran adalah ulama Sambas yang paling banyak menghasilkan karya penulisan (Wan Mohd. Saghir, 2006).

Dari penelitian terhadap pelbagai karya yang dihasilkan, Muhammad Basiuni Imran mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu seperti fiqah, tauhid, sejarah. Terdapat beberapa karya beliau telah dicetak dan ada juga yang masih dalam bentuk manuskrip. Jumlah karya yang diketahui ialah sebanyak 13, dua daripadanya ditulis dalam bahasa Arab yang selebihnya ditulis dalam bahasa Indonesia menggunakan tulisan jawi. Karya-karya tersebut ialah *Tarjamah Durūs al-Tārikh Sharī'at* (1912), *Bidāyah al-Tawhid fi al-'Ilm al-Tawhid* (1918), Risalah Cahaya Suluh (1920) *al-Nusus wa al-Barāhin 'ala Iqāmah al-Jumu'ah bī mā dūna al-Arba'in* (1925), *Zikr al-Mawlid al-Nabawi* (Mengingat Kelahiran Nabi) (1928), *Tadhkīr* (Peringatan) (1930), *Khulāsah al-Sīrah al-Muhammadiyyah*, Hakikat Seruan Islam (1932), *Nūr al-Sirāj fi Qissah al-Isrā'* wa *al-Mi'rāj* (Cahaya Pelita pada Ceritera Isra' dan Mi'raj) (1938), *al-Janā'iz* (1945), *Irshād al-Ghilman fa Adāb Tilāwah al-Qur'an* (Petunjuk

Praktis untuk Anak tentang Adab Membaca al-Quran) (1934), *Durūs al-Tawhid* (Pelajaran-Pelajaran tentang Tawhid) (1935), *Daw' al-Misbāh fī Faskh al-Nikāh* (Cahaya Lampu Untuk Membatalkan Nikah) (1938) dan juga *Husn al-Jawāb 'an Ithbāt al-Ahilla bi al-Hisāb* (Molek Jawapan tentang Menetapkan Awal Bulan Dengan Kiraan) (1938) (Erwin, 2007).

HUBUNGAN DENGAN MUHAMMAD RASHID RIDA

Muhammad Basiuni Imran mengenali Muhammad Rashid Rida melalui majalah *al-Manar* ketika menuntut di Mekah. Kekaguman beliau terhadap keilmuan dan ketokohan Muhammad Rashid Rida dalam memberikan inspirasi, motivasi dengan gagasan permurnian dan pembaharuan Islam telah menyebabkan beliau memilih Mesir sebagai tempat untuk meningkatkan lagi pengetahuan dalam ilmu-ilmu agama (Ihsan, 2019).

Hubungan Muhammad Basiuni Imran dengan gurunya bertambah erat apabila *Madrasah Dar al-Da'wah wa al-Irshad* dibuka. Madrasah ini secara rasmi telah dibuka pada 3 Mac 1912 bersamaan 12 Rabiulawal 1330H sempena sambutan Maulid Nabi di Kaherah (Rida, 1912). Matlamat utama madrasah ini adalah untuk mendidik pelajar-pelajar dengan akhlak dan adab Islamiyah serta menawarkan pembelajaran yang mengintegrasikan antara ilmu agama dan ilmu keduniaan. Hal ini bermakna, madrasah ini bukan semata-mata mengajar mereka ilmu akidah serta hukum-hukum Islam, bahkan dalam masa yang sama, pelajar turut diajar ilmu-ilmu yang diperlukan untuk kemaslahatan kehidupan di dunia seperti ilmu penjagaan kesihatan (Darniqah, 1986).

Madrasah ini juga ditubuhkan untuk melatih pelajar-pelajar Islam yang datang dari seluruh pelosok dunia bagi menjadi pendakwah profesional dalam menyebarkan Islam. Melalui kurikulum yang digubal oleh pihak madrasah, pelajar-pelajar yang bakal keluar daripada madrasah ini diharapkan dapat menguasai ilmu agama dan ilmu moden seterusnya mampu mempertahankan Islam dari segala bentuk penyelewengan (Darniqah, 1986).

Madrasah ini mencatatkan kejayaan apabila pelajar-pelajar madrasah yang telah tamat pengajian telah berkhidmat dalam kerja-kerja dakwah melalui pelbagai cara sama ada melalui saluran pendidikan, penulisan akhbar, pentadbiran kerajaan, dakwah dan sebagainya di negara masing-masing (al-Salman, 1988). Antaranya ialah Muhammad Basiuni Imran yang menurut Pijper sebagai tokoh yang betul-betul mewakili pandangan reformisme Mesir di Indonesia (Pijper, 1984). Apabila pulang ke Sambas, beliau bukan sahaja melaksanakan kerja-kerja dakwah dan pembaharuan dalam bidang agama sahaja, malah turut menyumbang ke arah perkembangan dan kemajuan dalam bidang pendidikan (Muhamad, 2014).

Setelah pulang ke Sambas, Muhammad Basiuni Imran dilantik menjadi Maharaja Imam bagi mengantikan kedudukan bapanya. Walaupun beliau menghadapi keterbatasan ruang untuk bergerak sebagai ilmuan kerana tanggungjawab yang perlu diutamakan sebagai Maharaja Imam, itu tidak mematahkan semangatnya untuk berdakwah dan melaksanakan islah. Hubungan beliau dengan Muhammad Rashid Rida juga diteruskan melalui surat menyurat kepada majalah *al-Manar* yang mengandungi pertanyaan tentang permasalahan yang dihadapi di Sambas (Muhammad, 2003). Hal ini dinyatakan oleh Muhammad Basiuni Imran seperti yang berikut:

Segala puji bagi Allah (Alhamdulillah)! Walaupun saya telah meninggalkan guru-

guru saya, juga telah meninggalkan bangku sekolah di *Dar al-Da‘wah wa al-Irshad*, saya tetap tanpa henti-hentinya mendalami kitab-kitab Imam Shafi’i, kitab-kitab mazhab lain, kitab-kitab tafsir Qur’an dan Hadits, terutama *Tafsir al-Manar*, majalah *al-Manar*, dan juga kitab-kitab lain tentang bermacam-macam ilmu pengetahuan. Untuk meningkatkan kemampuan saya, maka saya pun melatih diri dengan menulis kitab-kitab atau risalah-risalah dalam bahasa Indonesia maupun bahasa Arab, juga mengajukan pertanyaan tentang soal-soal agama dengan mengirimkan surat kepada *Sahib al-Manar*[Rasyid Ridha], pada waktu itu dia masih hidup. Dan saya membaca tafsir, hadis atau sesuatu yang lain pada hari Jumaat di Masjid Jami’ Sambas atau kadang-kadang di masjid lain Sambas (Pijper, 1984).

Justeru, nama Muhammad Basiuni Imran bukanlah asing dalam majalah *al-Manar*. Artikel beliau yang telah diterbitkan dalam majalah *al-Manar* adalah sebanyak 20 artikel berbentuk soalan dan satu artikel berkaitan pandangan beliau tentang ibadah haji. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh beliau secara umumnya berkaitan dengan lafadz niat sembahyang, solat Jumaat, zakat, Israk dan Mikraj, perkahwinan dan talak, talkin mayat, beriman dengan malaikat maut, hibah, terjemahan al-Quran, pendidikan di Mesir dan hukum hakim dan kadi bersumpah. Beliau juga bertanyakan tentang penggunaan huruf latin bagi menggantikan huruf Arab seperti yang dilakukan oleh Mustafa Kemal Ataturk, kelahiran Nabi Isa AS, hukum mengurung haiwan dalam sangkar dan hukum penggunaan duit loteri untuk kebajikan masyarakat (Abushouk, 2006).

Pertanyaan beliau kepada majalah *al-Manar* yang memberi impak besar kepada seluruh dunia pula adalah tentang *Limādha taakhara al-Muslimin wa limādhā taqaddama ghairuhum?* (Mengapa Umat Islam mundur dan orang lain maju?). Pertanyaan ini telah menjadi tajuk buku dengan judul yang sama yang ditulis oleh Amir Shakib Arsalan (1869-1945). Terjemahannya ke bahasa Inggeris berjudul, *Our Decline and its Causes* terbit di Lahore Pakistan tahun 1944 dan terjemahan ke dalam bahasa Indonesia diterbitkan pada tahun 1970-an (Pijper, 1984).

Hubungan rapat antara Muhammad Rashid Rida dan muridnya, Muhammad Basiuni Imran juga dapat diteliti melalui sepucuk surat yang dikirim oleh Muhammad Rashid Rida. Surat tersebut adalah seperti berikut:

من محمد رشيد رضا إلى الشيخ محمد بسيوني عمران الجاوي تلميذ دار الدعوة والإرشاد.

السلام عليك ورحمة الله تعالى وبركاته، أما بعد فإنك كنت في السنين التي تلقيت فيها العلم بمدرستنا
حسن الفضل مجتهدا في الطلب مستمسكا بالعروة الوثقى من هداية الكتاب والسنة، وقد علمت من
أخبارك ورأيت من آثارك بعد عودتك إلى وطنك ما ثبت به عندي تحصيلك القدر النافع من العلم
والعمل الذي يؤهلك لإرشاد المسلمين ووعظهم فأجزتك بالإرشاد والدعوة إلى سبيل الرشاد على
المنهج الذي تلقيته عني من اتباع السنن ومقاومة البغ والاستقامة على مذهب السلف الصالح وأئمّة

السنة. وأوصيكم بتقوى الله عز وجل في السر والعلن واجتناب الفواحش ما ظهر منها وما بطن واختيار اليسر على العسر مع الحافظة على النصوص القطعية وإجماع أهل الصدر الأول في الملة ولا تنس تذكير إخوانك المسلمين بما يتأكد عليهم من الاقتصاد واجتناب التبذير ليتسنى لهم الإنفاق في صالح الأمة العامة بدلاً من البذل في سبيل الشيطان من الشهوات والأهواء ومن الحافظة على الصحة وأعظم أسبابها ما شرع الله تعالى من النظافة واجتناب الإسراف في الحلال من طعام وشراب وغيرهما. وأوصيكم بأن لا تنساني من صالح دعائك ولا سيماء في مطان الإجابة وأسأله تعالى أن يجعلني وإياك من قال تعالى فيهم (ولكن الله حبب إليكم الكفر والفسق والعصيان. أولئك هم الراشدون) وصلى الله على محمد خاتم النبيين وآلته وصحبه وتابعهم إلى يوم الدين.

مؤسس دار الدعوة والإرشاد

محمد رشيد رضا

Terjemahan:

Daripada Muhammad Rashid Rida kepada al-Shaykh Muhammad Basiuni Imran al-Jawi murid Dar al-Da‘wah wa al-Irshad.

Assalamualaika wa rahmatullah ta‘ala wa barakatuh *amma ba‘du*. Sesungguhnya kamu telah beberapa tahun menerima ilmu di madrasah kami dengan penuh kebaikan, bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu serta berpegang teguh dengan hidayah al-Qur‘an dan sunnah. Aku telah mendengar berita tentangmu dan melihat hasil ilmu tersebut selepas pulangnya kamu ke negara kamu. Apa yang kamu peroleh faedah daripada ilmu dan amal yang melayakkan kamu untuk membimbing dan memberi nasihat kepada orang Islam. Maka dengan ini aku ijazahkanmu dengan kelayakan untuk memberi bimbingan dan berdakwah di jalan petunjuk mengikut manhaj yang telah kamu pelajari daripadaku, iaitu mengikut sunnah, memerangi bidaah, istiqamah atas mazhab salafussoleh dan para imam. Aku nasihatkanmu agar bertaqwa kepada Allah ‘Azza wa Jalla sama ada dalam keadaan rahasia dan terang-terangan, menjauhi dosa kecil dan besar sama ada secara zahir atau batin, ambillah jalan untuk memudahkan bukan menyusahkan dengan memelihara dalil-dalil yang *qat‘ie* serta ijmak para Sahabat dan Tabi‘in dalam Islam. Jangan lupa ingatkan saudara kamu Muslimin tentang apa yang diwajibkan ke atas mereka agar hidup besederhana, jauhkan diri daripada membazir agar dapat mereka menginfaqkan harta untuk maslahah umat Islam sebagai ganti daripada mereka membazir di jalan syaitan mengikut kehendak hawa nafsu. Jagalah kesihatan yang antara sebab terbesar yang disyariatkan Allah Ta‘ala ialah menjaga kebersihan dan menjauhi berlebih-lebihan dalam perkara yang halal seperti makan

dan minum dan lain-lain lagi. Aku juga nasihatkanmu dalam doamu yang baik, jangan lupakan aku dalam kebaikan doamu terutamanya ketika waktu-waktu yang *ijabah* (mustajab doa). Aku mohon kepada Allah agar menjadikan aku dan kamu tergolong dalam firman Allah Ta‘ala (akan tetapi Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hati kamu serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan dan kederhakaan. Mereka itulah orang-orang yang mengikuti jalan yang lurus) وَصَلَى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ خَاتَمَ النَّبِيِّنَ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَتَابِعِيهِمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Pengasas Dar al-Da‘wah wa al-Irshad

Muhammad Rashid Rida

Surat ini mengandungi bukti pengijazahan Muhammad Rashid Rida kepada Muhammad Basiuni Imran yang mengiktiraf kelayakan Muhammad Basiuni Imran untuk menjadi pendakwah serta beberapa nasihat daripada seorang guru kepada muridnya.

PERANAN DALAM PENYELESAIAN ISU SOLAT JUMAAT

Semasa menjadi Maharaja Imam di bawah pemerintahan Kesultanan Sambas, Muhammad Basiuni berhadapan dengan pelbagai soalan berkaitan hal ehwal agama Islam. Antara permasalahan agama yang menjadi persoalan masyarakat Islam di Sambas ketika itu adalah berkaitan hukum mendirikan solat Jumaat kurang daripada 40 orang. Keprihatinan beliau terhadap permasalahan solat Jumaat dapat dilihat melalui penulisan dua buah karya, iaitu Risalah *Cahaya Suluh* dan *al-Nusus wa al-Barāhin ‘ala Iqāmah al-Jumu‘ah bi mā dūna al-Arba‘in*. Persoalan tentang perkara ini juga pernah diajukan oleh Muhammad Basiuni Imran kepada majalah *al-Manar*.

Kebimbangan Muhammad Basiuni Imran terhadap masyarakat Sambas yang tidak menunaikan solat Jumaat telah dinyatakannya kepada Pijper yang berbunyi:

Di kerajaan Sambas orang jarang salat Jumaat, bahkan Masjid Agung di ibu kota saja hanya dikunjungi oleh kurang lebih 500 orang; dan ini sangat sedikit bagi suatu kota besar. Inilah yang menyebabkan hatinya tergugah untuk memperkenalkan *qawl qadim Shafi‘i* yang mengizinkan salat Jumat dengan jama‘ah kurang dari empat puluh orang, namun demikian salatnya tetap sah. Pendapat ini dilaksanakan di Kerajaan Sambas dan tentang ini tidak pernah timbul pertentangan (Pijper, 1984).

Perkara ini berlaku di Sambas kerana kekeliruan masyarakat terhadap keharusan untuk menunaikan solat Jumaat kurang daripada 40 orang. Masalah ini bukan hanya terjadi di kota Sambas, malah ia juga timbul di kampung-kampung seluruh wilayah Sambas. Oleh kerana itu, Muhammad Basiuni Imran melihat perlu adanya penjelasan dan fatwa tentang hukum melaksanakan solat Jumaat walaupun jemaahnya kurang daripada 40 orang (Sunandar, 2012).

Untuk mengelakkan konflik, fatwa daripada pihak yang berautoriti adalah diperlukan. Lalu, Muhammad Basiuni Imran mengambil inisiatif dengan menulis kitab *Cahaya Suluh* untuk menjelaskan tentang jumlah minimum jemaah yang dibenarkan untuk solat Jumaat. Masalah

utama yang menjadi pokok perbahasan adalah tentang pendapat yang berbeza dalam mazhab Shafi'i tentang solat Jumaat (Hamka, 2013).

Dalam Risalah *Cahaya Suluh*, Muhammad Basiuni Imran menjelaskan hukum bagi masalah ini adalah dengan merujuk kepada dalil naqli dan aqli. Penjelasan beliau adalah seperti berikut:

Jumaat itu sah dikerjakan dengan orang yang kurang dari empat puluh, maka atas qaul Imam Shafi'i yang qadim sah Jumaat dengan orang empat dan hadis Muslim yang tersebut menunjukkan bahawa Nabi SAW telah sembahyang Jumaat dengan dua belas tetapi ini hadis tiada juga menunjukkan bahawa Jumaat tiada sah dengan orang yang kurang dari pada dua belas apatah lagi dari pada empat puluh. Jadinya kalau didapati pada satu desa orangnya tiada sampai empat puluh dan mereka itu tiada dapat sama sekali hendak pergi kepada Jumaat yang sempurna empat puluh karena terlalu jauh umpamanya, maka wajiblah atas mereka itu mendirikan Jumaat pada tempat (desa) mereka itu. Ataupun mereka itu boleh pergi kepada Jumaat yang sempurna itu dengan *mashaqqah* dan susah payah oleh kerana sangat jauh nescaya harus mereka itu pergi kepada Jumaat yang sempurna itu mengertinya boleh memilih antara dua hal itu (Muhammad Basiuni, 1920).

Dalam bahagian lain, Muhammad Basiuni Imran menjelaskan bahawa jika Jemaah bagi solat Jumaat kurang daripada 40 orang, maka solat Jumaat tersebut juga adalah sah. Pendapat ini adalah berdasarkan *qawl qadim* Imam Shafi'i dan hadis Sahih Muslim. Muhammad Basiuni Imran menjelaskan hal ini seperti kenyataan berikut:

Dalam Sharah Muslim Hadis dari Jabir bin Abdullah, bahawasanya Nabi SAW saat itu sedang khutbah berdiri pada hari jumaat maka datang unta dari Syam, maka berpalinglah orang-orang itu kepadanya hingga tiada yang tinggal melainkan dua belas orang laki-laki maka turunlah ayat:

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ أَهْوَاءً انْفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا

(Dan apabila telah melihat mereka itu akan perniagaan atau permainan niscaya pergilah mereka itu kepadanya dan mereka meninggalkanmu dalam keadaan berdiri). Berkata Imam Nawawi dalam syarah itu bahawa itu adalah dalil bagi Malik dan lainnya bagi mengatakan sah Jumaat itu dengan dua belas orang laki-laki (Muhammad Basiuni, 1920).

Menurut Muhammad Basiuni Imran, tidak ada dalil yang menunjukkan bahawa solat Jumaat yang jemaahnya kurang daripada 40 orang tidak sah. Beliau berpendapat, *qawl jadid* yang mensyaratkan 40 orang tidak kuat jika dibandingkan dengan *qawl qadim*. Hadis yang dikemukakan di atas berkaitan *qawl qadim* lebih kuat dan *rajih* (Muhammad Basiuni, 1920).

Selain meneliti dalil-dalil naqli, Muhammad Basiuni Imran juga mengemukakan pendapatnya berdasarkan dalil aqli dengan mempertimbangkan situasi masyarakat Sambas pada masa itu. Dalam hal ini, beliau merujuk kepada *mashaqqah* (kesusahan) yang dihadapi oleh penduduk kampung yang didiami kurang daripada 100 orang. Isu yang timbul apabila kehadiran penduduk kampung yang datang ke masjid untuk solat Jumaat kadang-kadang kurang daripada 40 orang. Jika seseorang hanya mengambil *qawl Jadid* Imam Shafi'i yang menghendaki pelaksanaan solat Jumaat dengan sekurang-kurangnya 40 jemaah, ia akan membawa implikasi tiadanya solat Jumaat didirikan dalam mukim tersebut. Dengan adanya fatwa ini, kontroversi mengenai jumlah minimum jemaah solat Jumaat dapat diselesaikan dan tidak ada lagi kampung yang tidak menunaikan solat Jumaat (Pijper, 1984).

PENDIRIAN TERHADAP ISU TALKIN

Muhammad Basiuni Imran juga memainkan peranan penting dalam perdebatan isu talkin di Sambas. Isu ini telah dihuraikan oleh beliau dalam kitab *al-Jana'iz* yang memberi gambaran tentang kegelisahan Muhammad Basiuni Imran terhadap perdebatan masyarakat berkaitan talkin. Beliau bimbang jika perselisihan yang terjadi dalam masyarakat yang disebabkan oleh permasalahan agama akan menyebabkan mudarat yang lebih besar, iaitu perpecahan umat Islam. Lalu, kitab ini ditulis untuk memberikan pencerahan kepada masyarakat Islam Sambas tentang isu talkin agar tidak hanyut dalam perdebatan masalah khilafiyah. Tentang hal ini, Muhammad Basiuni Imran mengungkapkan:

Ini masalah dari dahulu kala khilaf - perselisihan padanya di antara ulama mutaqaddimin dan mutaakkhirin. Akan tetapi setengah daripada penulis-penulis atau pengarang-pengarang dan lain daripada mereka di masa kita ini dalam surat-surat kabar, majalah-majalah dan kitab-kitab sangat mencela talkin dan mencela akan orang yang mengerjakannya. Seolah-olah talkin itu terbit daripada orang yang jahil dan bodoh, semata-mata tak ada asalnya sama sekali sekalipun daif. Maka mereka tidak cukup dengan menyatakan mana yang benar dan mana yang salah saja, tetapi mereka jadikan talkin itu tempat celaan dan kata nista. Oleh kerana itu, timbul pertahanan dan berpecah belah sama sendiri dan perseteruan yang hebat yang sangat dilarang Allah, yang terlebih besar mudaratnya daripada mudarat talkin, jika dikatakan talkin itu mudarat (Muhammad Basiuni, 1945)

Dalam kenyataan di atas, beliau menyatakan kekecewaan terhadap mereka yang melontarkan kejian kepada yang melakukan talkin. Celaan dan hinaan kepada sesama Islam menurutnya hanya akan menimbulkan perpecahan sedangkan perpecahan itu mudaratnya lebih besar dari perbuatan talkin. Tujuan Muhammad Basiuni Imran menghindari perdebatan masalah khilafiyah adalah untuk menjaga ukhuwwah sesama Muslim. Pendekatan ‘tidak menyalah’ tetapi ‘mengalah’ dengan tidak memberikan pendapat yang tegas tentang masalah tersebut ternyata memberi impak yang positif terhadap kesatuan umat Islam di Sambas. Bahkan dalam isu ini, beliau dilihat mempertahankan mereka yang melakukan talkin dan tidak

menyalahkan mereka. Manakala kepada mereka yang menentang perkara tersebut, beliau membuat teguran agar tidak mencela dan mengingatkan mereka bahawa perpecahan umat Islam itu lebih mudarat daripada masalah talkin. Beliau berpendapat, mereka yang melakukan talkin mempunyai dasar yang diperoleh daripada ulama *muta'akhkhirin* meskipun dasar mereka dianggap daif (Muhammad, 2003). Kenyataan berkaitan perkara ini adalah seperti yang berikut:

Bukanlah perbuatan mereka semata-mata jahil dan bodoh tetapi yang mereka ikut dan turut ialah ulama mutaqaddimin dan mutaakkhirin. Dari sebab itu tidak pantas dan tidak harus bagi siapa-siapa yang mengingarkan talkin hendak mencaci akan orang yang memakai akan dia sekalipun dalilnya daif dan lemah. Tetapi harus baginya menyatakan hak dengan adab dan dengan perkataan yang baik. Maka tak dapat tidak bahawa hak juga yang menang di atas yang batil atau yang tiada benar (Muhammad Basiuni, 1945).

Sikap dan tindakan Muhammad Basiuni Imran sebagai seorang Maharaja Imam adalah sesuai dengan persekitaran masyarakat di dalam kerajaan Sambas ketika itu. Hal ini kerana, talkin menjadi adat setempat yang agak sukar untuk dihapuskan (Muhammad, 2003). Muhammad Basiuni Imran juga menekankan pertengkaran tentang masalah khilafiyah juga memberi kesan negatif terhadap pandangan orang non Muslim kepada Islam. Hal ini dijelaskan dalam karya *Husn al-Jawab 'an Ithbāt al-Ahillah bi al-Hisāb* (Molek Jawapan tentang Menetapkan Awal Bulan Dengan Kiraan) seperti yang berikut:

Maka pertengkaran dan perselisihan itu hendaknya tidak bagus bagi orang Muslimin yang satu agama, maka bagaimana kiranya orang agama lain memandang hal kita pada yang demikian? Akan tetapi memang tabiat manusia suka bersalah-salahan dan berlain-lainan kawan bersalah-salahan akal dan faham masing-masing sungguhpun demikian maka agama kita (Islam) menyuruhkan kita muafakat dan bersatu teristimewa dalam perkara agama dan ia tegahkan kita daripada bersalah-salahan apalagi yang membawa kepada berpecah belah sama sendiri (Muhammad Basiuni, 1938).

Jalan terbaik untuk menyelesaikan permasalahan talkin menurut Muhammad Basiuni Imran adalah menjelaskan kepada mereka permasalahan yang sebenarnya bukan dengan mencela dan mencaci maki bahkan dengan mengatakan bidaah. Justeru, beliau dengan tegas mengatakan permasalahan tersebut tidak perlu diperselisihkan yang akhirnya nanti akan membawa perpecahan kepada umat Islam sendiri (Muhammad, 2003). Jelaslah di sini, pendekatan Muhammad Basiuni Imran menunjukkan bahawa walaupun umat Islam berselisih pendapat, sikap saling menghormati dan harmoni perlu wujud antara sesama pendukung mazhab atas kerangka pandangan yang penuh dengan ilmu dan iman. Hal ini bagi memastikan kesatuan serta persaudaraan Islam akan semakin utuh dan tetap terpelihara.

PERKEMBANGAN DAKWAH ISLAMIAH

Penduduk yang mendiami wilayah Kesultanan Sambas sifatnya heterogen yang terdiri daripada

pelbagai kelompok etnik sama ada yang datang dari Borneo Barat sendiri maupun dari luar. Suku Melayu dan Bugis tinggal di daerah pesisir pantai dengan pekerjaannya dalam bidang perdagangan dan pelayaran. Manakala suku Dayak tinggal di pedalaman yang bekerja dalam sektor perladangan dan mengumpulkan hasil hutan seperti damar, rotan, sarang burung dan sebagainya (Pitria, 2017).

Secara umumnya, sebahagian besar masyarakat Sambas pada zaman Muhammad Basiuni Imran terdiri daripada bangsa Melayu yang beragama Islam. Menurut Erwin Mahrus yang memetik laporan Pangeran Tumenggung Jaya Kesuma, pada tahun 1915, kerajaan Sambas mempunyai seramai 123,000 penduduk yang terdiri daripada 100 orang Eropah, 26,000 orang Dayak, 67,000 orang Melayu, Jawa dan Bugis, 30,000 orang Cina, 270 Orang Arab dan Timur Asing lainnya (Erwin, 2007).

Selain tugas-tugas rutin di persekitaran istana, Muhammad Basiuni Imran juga aktif dalam menyebarkan agama Islam kepada masyarakat pedalaman. (Muhammad, 2003). Apatah lagi, ketika Muhammad Basiuni Imran dilantik menjadi Maharaja Imam pada tahun 1931, Islam masih belum benar-benar berkembang. Bukan sahaja penduduknya belum begitu ramai, malah Islam perlu bersaing dengan agama lain seperti Buddha yang menjadi anutan sebahagian besar orang Cina. Begitu juga dengan agama Kristian dan animisme yang menjadi kepercayaan kaum yang tinggal di daerah pedalaman (Machrus, 1995)

Sebagai ulama besar dalam kerajaan Sambas, Muhammad Basiuni Imran juga bertanggungjawab menyebarkan dakwah kepada masyarakat pedalaman yang non Muslim. Oleh kerana itu, imam, khatib dan guru agama diarahkan untuk memasuki daerah pedalaman bagi menyebarkan dakwah. Usaha dakwah ini menampakkan hasil apabila beberapa orang daripada suku Dayak memasuki Madrasah al-Sulthaniyah dan menjadi perintis kepada pengislaman suku bangsanya (Erwin, 2007). Selain daripada usaha dakwah, perkembangan Islam di Sambas juga didorong oleh faktor perkahwinan antara orang Melayu dengan gadis-gadis di daerah perbatasan Sambas-Sarawak dan Cina. Apabila memeluk agama Islam, mereka akan melafazkan syahadah di hadapan imam, khatib atau penghulu (Machrus, 1995).

KESIMPULAN

Muhammad Basiuni Imran merupakan ulama yang memainkan peranan penting dalam mencorakkan dimensi baru terhadap perkembangan Islam di Sambas. Kajian tentang ketokohan Muhammad Basiuni Imran dapat memperkuuhkan lagi bukti pengaruh Timur Tengah terutamanya pemikiran Muhammad Rashid Rida terhadap gerakan pembaharuan di alam Melayu. Antara sumbangan besar Muhammad Basiuni Imran ialah memperkasakan institusi keagamaan melalui pengurusan hal ehwal agama yang sistematik sama ada pada peringkat pemerintahan ataupun pengurusan agama terutama berkaitan dengan masjid di kampung-kampung. Islam juga semakin berkembang dengan adanya kerja-kerja dakwah yang dijalankan oleh ramai pihak.

Pendekatan Muhammad Basiuni Imran dalam menghadapi perbezaan pendapat menunjukkan bahawa sikap saling menghormati dan harmoni perlu wujud antara sesama pendukung mazhab atas kerangka pandangan yang penuh dengan ilmu dan iman. Hal ini bagi memastikan kesatuan serta persaudaraan Islam akan semakin utuh dan tetap terpelihara. Inilah antara keistimewaan yang ada pada beliau hingga melayakkan beliau diangkat sebagai tokoh

islah dan tajdid di Nusantara walaupun beliau tidak menubuhkan mana-mana organisasi seperti gerakan tajdid yang lain.

RUJUKAN

- Abushouk, Ahmed Ibrahim. (2006). *al-Ithar al-Kamilah li Majallat al-Manar ‘an Janib Syarqiy Isiya (1898-1935)*. Juz. 2. Kuala Lumpur: al-Jami‘ah al-Islamiyyah al-‘Ilmiyyah bi Maliziya.
- Badran Hambi. (1967). *Mengenal: H.M Basiuni Imran Maharaja Imam Sambas*. Makalah Koleksi Peribadi, 28 Oktober.
- Darniqah, Ahmad Muhammad. (1986). *al-Sayyid Muhammad Rashid Rida: Islahatuhu al-Ijtima‘iyyah wa al-Diniyyah*. Bayrut: Mu’assasat al-Risalah.
- Didik Muhammad Nur Haris. (2017). Jaringan Ulama Kalimantan Barat abad ke-19 dan 20 dan sumbangannya terhadap pemikiran hukum Islam. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Erwin Mahrus. (2017). Inovasi Pendidikan Islam di Borneo: Gerakan pembaruan pendidikan Islam Maharaja Imam Sambas, H. Muhammad Basiuni Imran (1885-1976). Kertas kerja Seminar Ulama Nusantara. Anjuran Institut Agama Islam Sultan Muhammad Safiuddin. Sambas, Mei 10.
- Erwin Mahrus. (2007). *Falsafah dan Gerakan Pendidikan Islam Maharaja Imam Sambas Muhammad Basiuni Imran (1885-1976)*. Pontianak: STAIN Pontianak Press.
- Hamka Siregar. (2013). Dynamics of Local Islam: Fatwa of Muhammad Basiuni Imran, the Grand Imam of Sambas, on the Friday Prayer Attended by Fewer than Forty People. *AL ALBAB: Borneo Journal of Religious Studies (BJRS)* 2(2): 187-202.
- Ihsan Nurmansyah. (2019). Kajian intertekstualitas tafsir ayat Ash-Shiyam karya Muhammad Basiuni Imran dan tafsir al-Manar karya Muhammad Rasyid Ridha. *Al-Bayan: Studi Al-Quran dan Tafsir* 4(1): 1-14.
- Machrus Effendy. (1995). *Riwayat Hidup dan Perjuangan Maharaja Imam Sambas*. Jakarta: Dian Kemilau.
- Muhamad Murtadlo. (2013). Budaya dan identitas Tionghoa Muslim di Kalimantan Barat. *Jurnal Lekture Keagamaan* 11(2): 281-308.
- Muhammad Basiuni Imran. (1920). *Cahaya Suluh, Pada Mendirikan Jumat Kurang Daripada Empat Puluh*. Singapura: Matba’at al-Ikhwan.
- Muhammad Basiuni Imran. (1938). *Husn al-Jawāb ‘an Ithbāt al-Ahillah bi al-Hisāb (Molek Jawapan tentang Menetapkan Awal Bulan Dengan Kiraan)*. Penang: Maktabat al-Zainiyah.
- Muhammad Basiuni Imran. (1945). *al-Jana’iz*. Tasikmalaya: Percetakan Galunggung.
- Muhammad Basiuni Imran (1931). *Tadhkir, Sabil al-Najat fi Tarki al-Salah (Jalan Kelepasan pada Mengingati Orang yang Meninggalkan Sembahyang)*. Singapura: al-Matba‘ah al-Ahmadiyyah.
- Muhammad Rahmatullah. (2003). *Pemikiran Fikih Maharaja Imam Kerajaan Sambas Basiuni Imran (1885-1976)*. Pontianak: Bulan Sabit Press.
- Pijper, G.F. (1984). *Beberapa Studi tentang Sejarah Islam di Indonesia 1900-1950*. Terj. Tudjimah & Yessy Augusdin. Jakarta: UI Press.
- Pitria. (2017). Tabrani Ahmad dan perjuangannya. Dlm. Alang Gunarto dkk. *Bunga Rampai, Seni, Budaya dan Sejarah Pejuang Sambas 1917-1945*, Pontianak: Top Indonesia.
- Rida, Muhammad Rashid. (1912). Iftitah Madrasah al-Da‘wah wa al-Irshad. Dlm. *al-Manar*. Jil. 15. t.tp.: t.pt.

- al-Salman, Muhammad ibn ‘Abd Allah. (1988). *Rashid Rida wa Da ‘wat al-Shaykh Muhammad ibn ‘Abd al-Wahhab*. Kuwayt: Maktabat al-Ma’ala.
- Sunandar. (2012). Peran Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran dalam kehidupan sosial keagamaan masyarakat Kerajaan al-Watzikhoebillah Sambas 1913-1976. Tesis Pascasarjana. Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Indonesia.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (2006). Basiyuni Imran Maharaja Imam Sambas. *Utusan Malaysia*. 20 Februari, diakses pada 12 Disember 2017.
- Wendi Parwanto. (2019). Konstruksi dan Tipologi Pemikiran Muhammad Basiuni Imran (1885-1976M) Sambas, Kalimantan Barat dalam Literatur Tafsir. *Substantia* 21(1): 61-78.